

<p>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk memohon Resit Amanah Mata Wang Asing. Pastikan anda juga membaca terma dalam Surat Tawaran. Dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma am.)</p>	<p style="text-align: center;">RESIT AMANAH MATA WANG ASING</p> <p>Tarikh:</p>
<p>1. Apakah produk ini?</p>	
<p>Resit Amanah Mata Wang Asing (Foreign Currency Trust Receipt atau FCTR) ialah kemudahan modal kerja jangka pendek dalam mata wang asing, yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan (Pembeli) bagi memudahkan pembiayaan import barangan mereka di bawah Surat Kredit atau Kutipan. Resit Amanah merupakan dokumen undang-undang yang dilaksanakan oleh Pelanggan di mana Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk memegang barangan tersebut dan hasil jualan dalam amanah bagi pihak Bank. Pelanggan membayar balik jumlah FCTR ditambah dengan faedah terakru pada tarikh matang.</p>	
<p>2. Apakah ciri-ciri utama produk ini?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Pembiayaan adalah dalam mata wang utama. • Kadar Pembiayaan disandarkan pada Kos Dana Berkesan Mata Wang Asing (<i>Foreign Currency Effective Cost of Fund</i> atau FC ECOF) lazim Bank tambah Margin, yang ditentukan pada peringkat penstrukturan kemudahan. • Tempoh Pembiayaan adalah selaras dengan kitaran penukaran aset Pelanggan, yang ditentukan pada peringkat penstrukturan kemudahan. • Pembayaran balik awal dibenarkan dengan faedah yang dikenakan sehingga tarikh pembayaran balik awal. 	
<p>3. Bagaimanakah faedah dikira?</p>	
<p>Faedah diakru sepanjang tempoh FCTR, dikumpulkan pada tarikh matang atau tarikh pembayaran balik awal dan dikira seperti berikut:</p> $\frac{[\text{Jumlah Prinsipal FCTR} \times \text{Kadar Pembiayaan (FC ECOF + Margin)} \times \text{Tempoh Pembiayaan}]}{(365 \text{ or } 360) \times 100}$	
<p>4. Bagaimanakah cara untuk saya memohon produk ini?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Anda perlu mempunyai Kemudahan FCTR yang diluluskan oleh Bank dan kelulusan mesti dilakukan dalam Borang Permohonan standard Bank, bersama Indemniti Resit Amanah dan Bil Pertukaran, yang dilengkapkan dan ditandatangani sewajarnya oleh penandatanganan yang dibenarkan anda. • Setiap permohonan mesti disertakan dengan dokumen sokongan, contohnya, Invois dan dokumen pengangkutan, yang membuktikan transaksi perdagangan tersebut. 	
<p>5. Apakah tanggungjawab saya?</p>	
<p>Melakukan pembayaran balik sepenuhnya tidak lewat daripada tarikh matang FCTR.</p>	
<p>6. Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Bank boleh memperjelas FCTR pada tarikh matangnya jika tidak dibayar sepenuhnya dan mengklasifikasikan FCTR sebagai tertunggak. • Faedah ingkar 3.5% setahun atas Kadar Pinjaman Asas lazim Bank akan dikenakan ke atas jumlah prinsipal FCTR yang diperjelaskan. • Sebarang FCTR yang tertunggak akan menjejaskan pengeluaran selanjutnya bagi Kemudahan FCTR dan apa-apa kemudahan lain dengan Bank. • Jika FCTR yang tertunggak masih belum dibayar selepas 3 bulan, kemudahan anda dengan Bank akan diklasifikasikan sebagai tidak berbayar. • Bank berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda terhadap sebarang FCTR yang tertunggak berikutan pemberian notis 7 hari terlebih dahulu kepada anda. • Bank boleh menguatkuasakan haknya dan memulakan proses pemulihan/tindakan undang-undang. 	

- Kemudahan FCTR anda dan apa-apa kemudahan lain dengan Bank boleh ditarik balik.

7. Apakah risiko-risiko utama?

Anda mungkin terdedah kepada risiko turun naik pertukaran asing kerana penyelesaian FCTR dilakukan dalam RM yang bersamaan.

8. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Faedah	Seperti yang dinyatakan di atas
Denda Penyelesaian Awal	Penamatan Pembiayaan mungkin dikenakan (ditentukan pada tarikh penyelesaian awal)
Caj Pembayaran Balik Langsung, di mana penyelesaian Invois telah dilakukan terlebih dahulu	RM100.00
Duti Setem	Seperti Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)
Caj Lain	Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web Korporat Bank di www1.uob.com.my untuk butiran lanjut

Nota: Bank boleh menyemak semula komisen, kadar faedah, fi dan caj dari semasa ke semasa pada budi bicara mutlakny, tertakluk kepada Bank memberikan anda notis 21 hari terlebih dahulu.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat hubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda, sila maklumkan cawangan UOB yang terdekat atau Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan atau hubungi Pengurus Perhubungan UOB anda.

10. Di manakah boleh saya dapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda mempunyai masalah untuk melakukan pembayaran balik, sila hubungi Bank dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik yang lain. Anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan Akaun UOBM anda atau menghantar E-mel kepada kami di uobcustomerservice@uob.com.my atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121
- Selain itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di Maju Junction Mall, Tingkat 8, 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur (Tel: 03-26167766 atau E-mel ke enquiry@akpk.org.my).
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, anda boleh menghantar E-mel kepada kami di uobcustomerservice@uob.com.my atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121.
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur (Tel: 1-300-88-5465; Faks: 603 - 2174 1515; E-mel ke bnmtelelink@bnm.gov.my).

11. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut mengenai produk ini?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk kami, sila kunjungi cawangan UOBM yang terdekat atau hantar E-mel ke businessbanking.servicecentre@uob.com.my atau log masuk ke www1.uob.com.my untuk maklumat lanjut.
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan UOBM kami di Kuala Lumpur 603 - 2616 6800; Pulau Pinang 604 - 2626 800; Johor Bahru 607 - 2236 800; Kuching 082 - 236 820; Kota Kinabalu 088 - 246 820.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada September 2018 dan tertakluk kepada perubahan pada budi bicara Bank dari semasa ke semasa.

Kepada: UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD (271809K)

Saya/Kami dengan ini mengakui penerimaan Helaian Pendedahan Produk di atas.

Penandatanganan yang Dibenarkan & Cop Syarikat
Tarikh: